

Bajet 2017 mendahulukan rakyat

um 16/12

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Rata-rata rakyat Malaysia menyambut baik inisiatif kerajaan diumumkan dalam Bajet 2017, terutama dalam usaha meringankan bebanan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dengan menyifatkan Bajet 2017 benar-benar menjurus kepada kebajikan rakyat.

Bertemakan 'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh', Bajet 2017 memperuntukkan sebanyak RM260.8 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 3.4 peratus daripada penubahsuaian Bajet 2016.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM275 juta adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan rakyat, terutamanya golongan B40.

Seorang ahli perniagaan, Zulaidy Zakaria, 38, berkata, melalui bajet ini, rakyat dapat melihat usaha kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Katanya, inisiatif seperti menggalakkan golongan B40 berniaga

amat baik bagi membantu mereka menambah pendapatan.

"Kita tidak boleh terlalu bergantung kepada kerajaan, sebaliknya perlu berusaha sendiri, namun beberapa inisiatif yang diperkenalkan kerajaan sedikit sebanyak membuka ruang untuk golongan ini menjana pendapatan, sekali gus memperbaiki kehidupan mereka sekeluarga," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagi Hamzi Anhar, 19, cadangan kerajaan menggalakkan rakyat menjadi pemandu Uber adalah satu usaha yang amat menarik terutama dengan inisiatif rebat sebanyak RM4,000 bagi pembelian kereta Proton Iriz.

"Usaha ini bagi membolehkan rakyat menambah pendapatan di samping melakukan kerja-kerja hakiki, bagi menambah pendapatan isi rumah," ujarnya.

Sementara itu, menurut Mohd. Haziq Faisal Ali Mahir, 28, bajet kali ini merangkumi keperluan rakyat pada setiap peringkat.

"Saya melihat bajet kali ini seperti memahami 'suara rakyat'. Benarlah ungkapan pemimpin bahawa 'rakyat sentiasa didahulukan'," katanya.



NAJIB TUN RAZAK melihat buku bertajuk *Kuasai Perniagaan Internet* sambil diperhatikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, **Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak** (dua dari kanan), Menteri Pendidikan Tinggi **Idris Jusoh** (kiri), Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, **Datuk Jailani Johari** (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), **Datuk Yasmin Mahmood** di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur ketika melancarkan program eUsahawan November lalu.